

**Setem Wang Syiling Malaysia Mulai Isnin Ini**  
**Bernama**  
**13 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Pos Malaysia Berhad akan mengeluarkan koleksi setem khas dan Sampul Surat Hari Pertama bertemakan reka bentuk terbaru wang syiling Malaysia pada Isnin ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pos Malaysia Berhad, Datuk Khalid Abdol Rahman berkata setem itu adalah dengan kerjasama Bank Negara.

Beliau berkata produk kali ini mengandungi setem enam persegi berwarna perak bernilai 60 sen yang memaparkan syiling 5 sen dan 10 sen manakala stem berwarna emas dengan nilai sama memaparkan syiling 20 sen dan 50 sen.

"Terdapat juga lembaran mini yang memaparkan wang kertas bernilai RM1, RM5, RM10, RM20, RM50 dan RM100 dijual pada harga RM5 setiap satu," katanya pada sidang akhbar di sini.

Sementara itu Ketua Unit Setem dan Filатели Pos Malaysia Yasmin Ramli berkata koleksi setem baru ini kesemuanya dicetak pada kertas bersalut perak dan emas dengan perincian unik yang jarang dihasilkan dan ini dilakukan untuk menyerlahkan warna serta reka bentuk syiling baru tersebut.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680403>